

### Kepentingan Pengurusan Risiko Dalam Merealisasikan Aspirasi Pelan Strategik Universiti



Para Peserta Bengkel Pengurusan Risiko UNIMAS

**Kuching** : Pengurusan risiko membantu UNIMAS mengenal pasti, menilai, menganalisis, memantau dan mengurangkan risiko yang mengancam pencapaian objektif strategik universiti secara sistematis. Memandangkan pendidikan tinggi terus berkembang dengan pesat, risiko baharu akan muncul, risiko yang diketahui akan datang dalam bentuk baharu dan krisis pasti akan berlaku.

Selama 30 tahun, UNIMAS berterusan menjadi peneraju dalam menyediakan negara dengan pemimpin, pengurus, saintis dan pakar teknikal. Dengan pelbagai ancaman yang dihadapi Institusi Pengajian Tinggi, penilaian risiko dalam pendidikan tinggi adalah mencabar dan pendekatan untuk mengenal pasti risiko adalah pelbagai.

Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk mempunyai Pengurusan Risiko sebagai bahagian penting dalam merealisasikan aspirasi Pelan Strategik Universiti. Dalam ISO 31000 (Pengurusan Risiko) sepetimana piawaian ISO lain, kepimpinan dan pengurusan risiko adalah perlu dan bersesuaian apabila digunakan.

#### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

##### PENGARAH :

PROF DR TARMIIJ MASRON

##### TIMBALAN PENGARAH :

PROF MADYA DR LEE NUNG KION

##### PENOLONG PENDAFTAR KANAN :

DAYANG MAZINA AWANG BATU  
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

##### PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :

GUSTINATA BASUAN  
ADELINE ANN LUBI

##### PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :

MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

##### SETIAUSAHA PEJABAT :

NUR AISHAH JORI

##### PEMBANTU TADBIR KANAN :

NORISA MOHAMAD SAHARI

##### PEMBANTU TADBIR :

SITI AFIZAH JAMIL  
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

##### PEMBANTU OPERASI :

ROZAIMI ANIS



Keupayaan untuk menyampaikan apa, mengapa dan bagaimana (*what, why and how*) proses pengurusan risiko adalah penting kepada organisasi dan pihak berkepentingan dalam komitmen mereka terhadap peningkatan berterusan. Demikian tegas Naib Canselor, YBhg Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi semasa berucap di Bengkel Pengurusan Risiko UNIMAS.

Bengkel selama dua hari pada 24 dan 25 November 2022 anjuran SQRC ini telah diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Kuching. Ianya secara khusus telah dihadiri seramai 52 Pengurus Risiko PTj selain Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Bahagian.

Para peserta turut berpeluang berkongsi ilmu bersama-sama rakan strategik industri yang dijemput khusus. Mereka adalah En Abang Rahim Drashid, Head of Health, Safety, Security and Environmental (HSSE), Petroleum Sarawak Berhad (Petros) dan En Muhammad Kahfi Drs Ibrahim, CEO & Co-Founder, Tennoz Technology.

# Adaptasi Perbincangan dan Pandangan Melalui Bengkel Pengurusan Risiko

**Kuching** : Bengkel Pengurusan Risiko yang diadakan pada 24 November 2022 membawa pendekatan berbeza apabila turut menjemput rakan strategik industri untuk bersama-sama berkongsi pengalaman dan pandangan.

Terdahulu, Naib Canselor, YBhg Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi turut berkongsi pandangan beliau dengan menyampaikan ucaptama bertajuk *Risk Management: What Every Leader Needs To Know.*

Dua penceramah jemputan luar turut berkongsi pengalaman berkaitan bersama-sama peserta benakel.

Mereka adalah En Abang Rahim Drashid, Head HSSE, Petroleum Sarawak Berhad (Petros) yang menyampaikan tajuk *Enterprise Risk Management as Strategic Management Tool* dan En Muhammad Kahfi Drs Ibrahim, Co-Founder & CEO Tennoz Technology yang menyampaikan tajuk *Intelligent & Agile Risk Management*.

Tiga Pengurus Risiko turut ber-kongsi dalam sesi dialog bertajuk *Embedding ERM Within UNIMAS*. Mereka adalah Hj Suhairi Salem (AT2HB), ASP Idzhar Shaffarrul Hasli (Bahagian Keselamatan dan Pn Dayangku Zzyz Cemylyah Awang Rahmat (FEP).

Hari kedua pula menyaksikan peserta menimba ilmu dari pen-ceramah jemputan SIRIM STS Sdn Bhd yang mempunyai kepa-karan dalam ISO 31000:2018 Risk Management iaitu En Saiful Ni-zam Jasni.



## **Lawatan Kerja Pro Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**

**Kota Samarahan** : SQRC telah berbesar hati menerima delegasi lawatan kerja dari Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (PTPSR), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 23 Nov 2022.

Delegasi berkenaan diketuai oleh Pro Naib Canselor (Strategik dan Risiko), Prof Dr

Tengku Sifzizul Tengku Muhamad bersama Pengarah PTSR, Prof Madya Dr Mohd Nazli Mohd Nor.

Hadir menyambut dan menyampaikan taklimat kepada rombongan adalah Pengarah SQRC, Prof Dr Tar-miji Masron serta Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Lee Nung Kion.



Delegasi turut  
d i b a w a  
melawat Galeri  
Koompassia Ex-  
celsa dan diberi  
taklimat berhub-  
ung perkem-  
bangunan Universi-  
ti oleh pihak UNI-  
MAS Korporat

# Jamuan Santai Staf SQRC

**Kuching** : Satu majlis jamuan santai staf SQRC telah diadakan pada 24 November 2022. Jamuan telah dihadiri Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron, Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Lee Nung Kion dan semua staf.

Majlis ringkas tersebut merupakan aktiviti rutin SQRC selain turut meraikan Ulang Tahun Kelahiran staf yang lahir pada November iaitu Prof Madya Dr Lee Nung Kion dan Sdr Mohd Hafizuddin Sulaiman.



## QS WUR Asia 2023

**Kota Samarahan** : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) buat tahun kese-puluh berturut-turut telah berjaya disenaraikan dalam QS World University Rankings Asia.


Edisi terbaru tahun 2023 yang diumumkan pada 8 November 2022 memaparkan secara keseluruhan 760 kedudukan Universiti Asia yang dinilai, yang terbesar setakat ini.

Persaingan sengit dalam kedudukan ini telah menyebabkan UNIMAS sedikit merosot ke tangga 271 dari 227 tahun lalu.

Hanya 5 Universiti di Malaysia yang mencatat peningkatan, 12 merosot manakala kedudukan 2 lagi Universiti tidak berubah. Di kalangan negara Asia Tenggara, UNIMAS berada di kedudukan ke-58.

*International Faculty* kekal menjadi kriteria terkuat UNIMAS dengan berada di kedudukan 67 berbanding negara serantau.

Hanya tiga kriteria mencatat peningkatan markah iaitu *papers per faculty*, *outbound exchange students* dan *inbound exchange students*.




## Program Sijil Profesional Penjaminan Kualiti Program Pengajian & Perkhidmatan

**Bangi** : UNIMAS melalui SQRC telah menghantar Penolong Pendaftar Kanan, Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman bagi menyertai Program Sijil Profesional Penjaminan Kualiti anjuran Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Ke-bangsaan Malaysia (UKM).

Antara objektif program ini adalah untuk melahirkan pentadbir dan pelaksana yang mempunyai kompetensi dan pengetahuan yang tinggi berkaitan kualiti program pengajian dan perkhidmatan selain dapat

mewujudkan saluran perkongsian amalan baik berkaitan kualiti program pengajian dalam kalangan pentadbir dan pelaksana program pengajian dan perkhidmatan.

Pn Dayang Zuliana telah mengikuti Modul yang bersesuaian dengan tugas beliau iaitu Sistem Pengurusan Kualiti dan Risiko. Ia berlangsung secara atas talian pada 12-30 September 2022. Majlis Graduasi Program tersebut telah diadakan pada 7 Disember 2022 di UKM Bangi.



# Kalendar Aktiviti



## November 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	THE Awards Asia 2023	Open for nominations	<b>1/11/2022</b>
2	THE University Impact Rankings 2023	Deadline data collection @ Portal	<b>11/11/2022</b>
3	Mesyuarat JKPR	Bil.03/2022	<b>21/11/2022</b>
4	Lawatan Kerja UMT	Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko UMT	<b>23/11/2022</b>
5	Bengkel Pengurusan Risiko Siri 2	Risk Management @ Grand Margherita	<b>24-25/11/2022</b>

## Disember 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	THE Awards Asia 2023	Closing for nominations	<b>5/12/2022</b>
2	Sesi Taklimat Penghantaran Data MyMoheS COD 31.12.22	Bahagian Perancangan Strategik, KPT	<b>14/12/2022</b>
3	Demo Sistem SPeeD 2.0	CITDS	<b>15/12/2022</b>
4	Perbincangan Pencalonan THE Awards Asia dan Penghantaran Data Rankings 2024	THE & QS	<b>19/12/2022</b>

